

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JANUARY 2017

# Dr Mahathir sekali lagi buat pusingan U

BH - 22/1/2017

➔ Bekas PM dakwa MCA tuntutan jawatan TPM

Oleh Ziauddin Sharuddin dan Mohd Azrone Sarabatin  
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir yang sebelum ini mengumumkan DAP mahu jawatan Timbalan Perdana Menteri, terus membuat pusingan U apabila mendakwa MCA pula yang meminta jawatan berkenaan bukan DAP.

Menerusi laman blognya semalam, bekas Perdana Menteri memperbetulkan kenyataannya sebelum ini bahawa yang meminta jawatan adalah MCA bukan DAP.

“Saya dilaporkan berkata bahawa DAP meminta untuk dilantik jawatan Timbalan Perdana Menteri kedua.

“Saya ingin perbetulkan kesilapan. Bukan DAP tetapi MCA,” katanya.

Khamis lalu, Dr Mahathir yang

juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) berkata, DAP mahu jawatan Timbalan Perdana Menteri sekiranya pakatan pembangkang menang dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

Mengulas kenyataan terbaharu itu, Presidennya, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata memang biasa bagi Dr Mahathir untuk membuat pusingan U apabila beliau tidak dapat menjawab soalan mengenai sesuatu perkara.

## Guna pelbagai helah

Katanya, bekas Perdana Menteri itu akan menyasarkan pihak lain dan sanggup menggunakan pelbagai helah untuk menjatuhkan mana-mana pihak.

“Kita dalam Barisan Nasional (BN) menggunakan pendekatan muzakarah. Sebarang keputusan adalah melalui perbincangan dan persetujuan bersama.

“Apa sahaja isu, ia adalah hal ehwal yang berakhir dalam BN. Bukan seperti pembangkang yang menggunakan pelbagai helah untuk mengelirukan rakyat,” katanya selepas merasmikan Pusat Perkhidmatan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Temiang di Seremban, semalam.

Sementara itu, Tiong Lai yang juga Menteri Pengangkutan berkata, MCA mengarahkan kepemimpinan parti semua peringkat mempertingkatkan operasi bilik gerakan dan pejabat perkhidmatan.

“2017 adalah masa untuk menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat, selain Pilihan Raya Umum (PRU) boleh diadakan pada bila-bila masa,” katanya.

Beliau berkata, MCA tetap bekerja keras untuk rakyat walaupun pengundi Cina memberikan kepercayaan kepada DAP sehingga parti pembangkang itu berjaya memenangi 38 kerusi Parlimen dalam PRU ke-13.

“Di Negeri Sembilan, kita kalah di semua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen, tetapi MCA tidak pernah tinggalkan rakyat.

“Pemimpin parti tetap memberi perkhidmatan kepada rakyat, malah menambah bilangan pusat perkhidmatan seperti di Temiang,” katanya.

Sehubungan itu, beliau yakin pengundi Cina akan berfikir dua kali untuk sekali lagi memberi sokongan kepada DAP dalam PRU akan datang kerana parti pembangkang itu sebenarnya tidak melakukan apa-apa pun selepas diberi mandat untuk mewakili rakyat.